

Hua Yang lancar Senawang Link bernilai RM45 juta

SYARIKAT pemaju hartanah nasional, Hua Yang Berhad, akan melancarkan projek pembangunan bernilai RM1 bilion tahun ini.

Antara projek turut dilancarkan adalah Senawang Link, Seremban iaitu satu pembangunan komersial dan perindustrian bersepadu bernilai pembangunan kasar sebanyak RM45 juta.

Ketua Pegawai Operasinya, Ho Wen Yan dalam satu kenyataan di sini berkata, Senawang Link terdiri daripada kedai pejabat dua tingkat dan kilang teres berkembar satu setengah tingkat serta lot perindustrian di atas tanah seluas lebih 11 hektar.

Wen Yan berkata, Hua Yang Berhad memperuntukkan Senawang Link sebagai kawasan khas perindustrian, terutamanya bagi pemilik kilang yang berminat mengendalikan operasi di tempat strategik dari harga RM251,000.

"Ia disasarkan kepada pemilik perniagaan dan pelabur dari kawasan persekitaran Seremban dan Lembah Klang di mana Senawang Link menawarkan pelbagai unit komersial dan perindustrian bersepadu.

"Pengendali perindustrian gudang, kilang perabot dan bengkel kereta akan mendapati Senawang Link suatu pelaburan sesuai memandangkan ia dibangunkan sebagai pusat



● HO WEN YAN

komersial terkini di Seremban," katanya.

Senawang Link terletak di lokasi strategik di laluan utama Jalan Tampin selain terletak bersebelahan Stesen Keratapi Tanah Melayu (KTM) Sungai Gadut yang bakal dibina dan dijangka siap menjelang Disember ini.

"Selain itu, Senawang Link mempunyai akses mudah melalui Lebuhraya Utara-Selatan yang menjadikannya lokasi perniagaan sesuai dan mendapat kenaikan nilai harta tanah.

"Memandangkan kemasukan aktiviti perniagaan dijangka meningkat, kami menyediakan perkhidmatan kawalan 24 jam secara percuma selama dua tahun bagi meningkatkan keselamatan di kawasan itu," katanya.



HUAYANG